

## 8 PASUKAN BAHAS ALA PARLIMEN PIALA MAIWP BAKAL MARA KE PERINGKAT NEGERI

[maiwp.gov.my/i/index.php/en/berita-maiwp/555-8-pasukan-bahas-ala-parlimen-piala-maiwp-bakal-mara-ke-peringkat-negeri](http://maiwp.gov.my/i/index.php/en/berita-maiwp/555-8-pasukan-bahas-ala-parlimen-piala-maiwp-bakal-mara-ke-peringkat-negeri)



Kuala Lumpur, 11 September – Lapan pasukan Bahas Ala Parlimen Piala MAIWP 2019 bakal mara ke peringkat negeri pada 9 dan 10 Oktober depan di Pusat Belia Antarabangsa (IYC) Kuala Lumpur.

Pasukan tersebut adalah Maktab Tentera Diraja Kuala Lumpur dan SMK Bukit Bandaraya mewakili zon Bangsa Pudu dan SMK zon R1 Wangsa Maju serta SMK Taman Seri Rampai yang mewakili Zon Keramat Sentul

Bagi peringkat Institusi MAIWP, SMA MAIWP Kuala Lumpur telah mendahului berbanding institusi MAIWP yang lain. Baki tiga pasukan lagi iaitu SMKA Putrajaya, SMK Labuan, dan SMA MAIWP Labuan akan mewakili Wilayah Persekutuan Putrajaya, Labuan dan institusi Labuan. Bagi peringkat Institusi MAIWP, Sekolah Menengah Agama (SMA - MAIWP) telah mendahului berbanding institusi MAIWP yang lain.

Penerima Anugerah Pembahas Terbaik bagi Institusi-institusi di bawah MAIWP dimenangi oleh pelajar Pondok Moden Al-'Abaqirah (PMA) Adam Zikrirullah Zamri. Beliau menyifatkan Pertandingan Bahas Ala Parlimen anjuran MAIWP ini sebagai sebuah platform yang terbaik kepada para pelajar untuk menonjolkan bakat mereka. Pertandingan ini terbuka kepada pelajar sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Institut Pendidikan MAIWP di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan

Keunikan pertandingan yang julung kali di anjuran MAIWP dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) ini adalah di mana penyerta terbuka kepada semua bangsa dan agama melalui pendekatan konsep Rahmatan Lil Alamin.





